



## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA 3.0

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) merujuk kenyataan media Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 21 Mei 2021 berkenaan pemakluman pengoperasian pejabat Kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3.0 dilaksanakan secara hibrid melalui keberadaan di pejabat dan arahan Bekerja Dari Rumah (BDR).
2. Selaras perkara tersebut, pihak Kerajaan menetapkan peratusan kehadiran kakitangan ke pejabat adalah pada **tahap 20 peratus secara keseluruhan kecuali tugas penguatkuasaan dan 80 peratus secara BDR dengan penggiliran** mengikut keperluan. Justeru, kehadiran kakitangan KSM ke pejabat hanya bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dan memerlukan keberadaan di pejabat. Pelaksanaan BDR ini adalah berdasarkan pematuhan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja Dari Rumah. Sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan kepada BDR akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah P.U.(A) 395 – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
3. KSM akan mengadakan mesyuarat atau perbincangan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan menjamin kerahsiaan. Selain itu, perkhidmatan kaunter hanya akan dibuka kepada perkhidmatan yang tidak ditawarkan secara dalam talian atau melalui temu janji sahaja.

4. Dalam pada itu, aktiviti penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] termasuk Peraturan-Peraturan baharu, tetap diteruskan dan dipertingkatkan bagi memastikan standard perumahan, penginapan dan kemudahan pekerja sentiasa terpelihara. Ini penting bagi mencegah penularan serta memutuskan rantaian pandemik wabak COVID-19. Sehubungan dengan itu, tindakan tegas seperti pendakwaan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda maksimum RM50,000 atau 1 tahun penjara atau kedua-duanya sekali dan juga boleh dikompaun terhadap majikan yang gagal mematuhi Akta 446.
  
5. KSM berharap agar semua pihak dapat memberi perhatian terhadap langkah-langkah pencegahan dan pelaksanaan SOP yang ketat ini dan dalam masa yang sama, sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat akan diteruskan bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan efisien dan berkesan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
24 MEI 2021**